


"AeU benar-benar merealisasikan pengajian sepanjang hayat dan sistem pengajian teradunnya memudahkan kami membuat persediaan awal sebelum menghadiri kelas mahupun peperiksaan"

Alvin Chee Che Wei,
Guru



AeU tingkat keupayaan guru

» **Sampaikan ilmu seiring perkembangan semasa**

Kerjaya sebagai guru antara cabang kerjaya dipandang tinggi masyarakat kerana asas kerjaya berkenaan yang mendidik pelajar memahami dan mempraktikkan ilmu dipelajari sama ada pada peringkat pra-sekolah, rendah mahupun menengah.

Evolusi sistem teknologi maklumat memberi impak besar

pada bidang pendidikan. Tugas guru masa kini jauh lebih mencabar. Dulu, tugas guru tertumpu kepada sukatan pelajaran dibekalkan tetapi masa kini mereka memerlukan lebih dari sekadar sukatan pelajaran.

Guru perlu bergerak seiring perkembangan semasa dalam memastikan ilmu yang disampaikan dari sumber terkini terutama ketika berhadapan kumpulan pelajar proaktif, yang kadangkala mendahului pendidik dalam pemerolehan data dan sering kali mengajukan soalan kritis memerlukan maklum balas pantas seorang guru.

Situasi ini dialami guru bahasa Inggeris dan Matematik di SJKC Yuk Chih, Bestari Jaya, Selangor, Alvin Chee Che Wei, 35, yang bergelar guru selama 13 tahun. Beliau berpendapat, tugas guru menjadi semakin mencabar seiring perubahan semasa.

Hal inilah menyebabkan guru memerlukan peningkatan tahap pendidikan sesuai perubahan semasa.

Perlu sentiasa di hadapan

"Guru memikul tanggungjawab besar dalam menyampaikan ilmu kepada pelajarannya. Dunia maklumat tanpa sempadan memerlukan kami sentiasa berada di hadapan agar pelajar yakin dengan apa disampaikan. Kelayakan dan tahap pendidikan guru juga kini diberi perhatian ibu bapa sebelum mereka mengambil keputusan menghantar anak mereka belajar di mana-mana sekolah.

Atas kesedaran itu, Che Wei memilih menyambung pengajian di Asia e University (AeU) pada Mac 2011, pengambilan pertama pelajar daripada kalangan guru di bawah projek Program Pensiswazahan Guru (PPG) diusahakan Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan.

Beliau kini berada pada semester tujuh dijangka menamatkan pengajian dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (TESL) dengan kepujian pada Ogos 2014.

"Saya berasa sangat bertuah kerana dua perkara, pertama menjadi kumpulan pelajar pertama yang mengikuti program anjuran BPG dan kedua, kerana membuat pilihan tepat me-

milih belajar di AeU," katanya.

Infrastruktur moden

Sepanjang pengajian di AeU, beliau dibantu fasilitator akademik berkelayakan dan berpengalaman. Infrastruktur moden yang terdapat di AeU seperti perpustakaan dalam talian memudahkan proses mendalami ilmu diajar.

"AeU universiti bertaraf antarabangsa memahami kehendak setempat. AeU memilih tenaga pengajar berpengalaman untuk menyampaikan ilmu sesuai isu semasa dengan memberi contoh semasa yang relevan. Tenaga pengajar AeU juga mesra dan sedia membantu dalam memastikan kami benar-benar dapat mempraktikkan ilmu diajar," kongsi beliau.

Beliau berjaya mengekalkan keputusan cemerlang sepanjang pengajian turut menyarankan mana-mana guru yang berhasrat menyambung pengajian peringkat ijazah dalam bidang pendidikan sama ada di bawah program BPG atau persendirian agar memilih AeU berdasarkan pengalaman beliau.

"AeU benar-benar merealisasikan pengajian sepanjang hayat dan sistem pengajian teradunnya memudahkan kami membuat persediaan awal sebelum menghadiri kelas mahupun peperiksaan. Inisiatif pemberian iPad kepada guru sangat signifikan dalam memastikan maklumat berada di hujung jari agar guru sentiasa di hadapan memimpin pelajar. AeU adalah universiti yang sangat relevan untuk dipertimbangkan bagi mereka yang ingin menyambung pengajian di bidang pendidikan," tegas beliau.

Untuk rekod, dari Mac 2011 hingga pengambilan terbaru pada September 2012, AeU menerima 1,919 pelajar di kalangan guru bawah projek PPG dan jumlah itu dijangka meningkat pada pengambilan seterusnya.

Selain pengkhususan pengajian Bahasa Inggeris (TESL), Sekolah Pendidikan dan Sains Kognitif, AeU turut menawarkan pengkhususan dalam pengajian Bahasa Melayu dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECE) bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Turut ditawarkan, Sarjana dan Doktor Falsafah dalam pendidikan yang dibuka untuk pendaftaran sepanjang tahun dan permulaan semester pengajian adalah pada bulan Januari, Mei dan September.

AeU adalah universiti bertaraf antarabangsa yang ditubuhkan pada 2007 dan idea penubuhannya adalah dari Malaysia dan disokong 31 negara anggota Asia Cooperation Dialogue (ACD). Sejak penubuhannya, AeU menerima kemasukan lebih 10,000 pelajar untuk program akademik dan eksekutif. Pada 16 Oktober 2012, AeU diumumkan projek ACD paling berjaya pernah dilaksanakan ketika sidang kemuncak ACD yang berlangsung di Kuwait.

Maklumat lanjut berkenaan AeU, layari www.aeu.edu.my atau hubungi 1-300-300-238.